

# Ibu sayu terima skrol arwah anak

Graduan Sarjana Muda Sains Perhutanan meninggal akibat meningitis

FOTO | Yahya Zainuddin



**KONGSI KEJAYAAN...** Rosmalini Mat Zin dan suami Mohd Asri Abdul Rashid menunjukkan Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) kepada anak mereka Nuraisyah Aqilah, 4 pada Konvokesyen Universiti Putra Malaysia.

**SEBAK...**Lim menyerahkan skrol ijazah kepada Normala sambil disaksikan Pro-Canselor, Tan Sri Dr Nayan Ariffin (dua dari kanan) dan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.

ba-tiba saja. Bagaimanapun saya tetap reda dengan ketentuan Ilahi," katanya ketika ditemui selepas menerima skrol ijazah bagi mewakili Mohd Faiz di Majlis Konvokesyen UPM ke-33 di sini, semalam.

Sementara itu, Teh Suhaila

berkata, selain bersikap peramah, Mohd Faiz sangat aktif dan berminat dengan pelbagai aktiviti luaran antaranya mendaki gunung.

"Bukan setakat keluarga, malah ramai rakan yang turut meratapi pemergiannya," katanya sayu.

Suasana muram menyelubungi majlis berkenaan semalam, sebaik nama Mohd Faiz diumumkan untuk menerima skrol ijazah yang disampaikan Pro-Canselor UPM, Tan Sri Lim Ah Lek. Majlis kali ini turut menyaksikan penyampaian Ija-

zah Sarjana Muda memabitkan dua program baru iaitu Bachelor Sains Dietetik dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang membariskan 33 graduan dan Bachelor Sains dan Teknologi Kayu dari Fakulti Perhutanan (dua graduan).

>>Oleh Helmy Abd Rahman

helmy@hmetro.com.my

**S**ERDANG: "Dia memang tak sabar nak sambut konvokesyen, malah sempat beli kasut baru...tapi Allah lebih sayangkannya," kata Normala Yahya, 51, ibu kepada Mohd Faiz Tajuddin, 23, penerima Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang meninggal dunia akibat meningitis (radang selaput otak), 15 April lalu.

Normala yang ditemani anaknya, Teh Suhaila Tajuddin, 28, berkata kehilangan anak kelimanya itu memang sangat dirasakan, lebih-lebih lagi kerana Mohd Faiz sangat peramah dan rapat dengan keluarganya.

Menceritakan detik menyedihkan itu, Normala berkata, anaknya mula dikesan menghidap meningitis pada 14 April sebelum meninggal dunia keesokan harinya.

"Tak dapat nak diceritakan betapa hibanya hati bila mendapat khabar itu. Arwah memang terkenal peramah, tidak lokek dan sanggup menolong orang lain biarpun diri sendiri kesusahan.

"Arwah juga sebelum ajalnya setiap hari kata dia tak sabar nak sambut konvokesyen dan nak bantu keluarga. Paling saya sedih sebab pemergiannya secara ti-